

BAB4

PENGAMATAN


Pengenalan

Pengamatan atau persepsi merupakan elemen terpenting dalam proses kognitif. Pengamatan bukanlah suatu proses yang lazim, kerana ia tidak berlaku secara automatik. Ia tidak terjadi dengan hanya kita membuka mata, merasa sesuatu atau mendengar bunyi-bunyian yang berada di alam ini. Pengamatan ialah satu proses yang melebihi tahap pendaftaran rangsangan-rangsangan yang diberikan kepada kita semua. Manusia sentiasa memilih segelintir daripada rangsangan-rangsangan yang akan memberi makna kepada dirinya. Ini pula dilakukan dengan cara memberi perhatian atau tumpuan kepada kewujudan sesuatu entiti di sekelilingnya. Ia juga perlu dikenalpasti, diinterpretasikan, diorganisasikan, dan difahami supaya makna yang tersirat di sebalik entiti itu diperolehinya. Setelah semua ini dilakukan, barulah sesuatu kederiaan itu dipersepsi atau diamati oleh manusia.

Segala fenomena yang dipersepsikan oleh manusia seharusnya melalui organ-organ deria. Sememangnya organ derialah yang merupakan jalan masuk semua rangsangan ke tubuh, akal fikiran dan jiwa manusia. Dalam hal pengamatan ini, pengamatan melalui organ deria mata merupakan sesuatu yang penting, kerana lazimnya amatan melalui organ deria mata merupakan sesuatu yang penting, kerana lazimnya manusia selalu menumpukan perhatian melalui penglihatannya. Sudah tentu, bagi fenomena-fenomena lain seperti bau-bauan, citarasa makanan, dan bunyi-bunyian perlu didaftarkan oleh organ-organ deria yang

berkenaan, tetapi banyak pakar berpendapat yang ia tidak begitu signifikan jikalau dibandingkan dengan pengamatan visual.

Apa yang kita lihat, dengar, sentuh, hidu dan rasa tentang keadaan alam sekitar bergantung kepada pengamatan yang diperoleh melalui rangsangan yang diterima oleh pancaindera. Maklumat itu ditafsirkan oleh proses mental untuk membentuk konsep. Biasanya pengamatan dipengaruhi oleh pengalaman yang sedia ada pada seseorang. Hal ini kerana pengamatan berperanan membuka dan menyediakan skrin pemikiran pada peringkat awal. Input dalam bentuk rangsangan deria akan disimpan dan dicetak ke filem. Prosesnya berlangsung berterusan dan ada ketikanya akan berlaku '*potong dan tampal*' pada mana-mana slot. Hal ini terjadi apabila berlakunya pertembungan input lama dan baru. Setiap kali kita melihat sesuatu rangsangan baru, maka ia akan dirakamkan dan kemudian difilemkan. Apabila kita menerima rangsangan baru, maka filem akan diputarkan, dan di sini berlaku proses pengkordinasian input baru dan lama pada mana-mana slot yang relevan dengan yang lama. Maklumat baru akan dirakam dan cuba disesuaikan dengan yang lama. Jika tiada hubungan langsung, maka satu filem baru akan dirakam. Begitulah seterusnya, proses ini berlaku berterusan sehingga ke akhir hayat.



2.0 DEFINISI PENGAMATAN

“Pengamatan merupakan suatu proses individu mentafsir kederiaan rangsangan dan memberi makna kepadanya. Ia juga adalah kesedaran dan reaksi seseorang individu terhadap rangsangan-rangsangan, iaitu yang bersifat peribadi. Pengamatan juga merupakan pola-pola yang bermakna. Sebenarnya ia tidak berlaku secara automatik tetapi mengambil masa yang lama, iaitu melalui pentafsiran dan pemahaman yang teratur.”

(Mohd. Salleh Lebar, 1995)

3.0 PROSES PENGAMATAN

Pengamatan melibatkan proses otak menerima maklumat dari deria, menyusun semula maklumat tersebut dan menterjemahkannya kepada pengalaman yang bermakna. Pengamatan bukan sahaja melibatkan deria lihat sahaja, tetapi juga deria dengar, rasa, bau, kinestetik dan perasaan. Ia juga menjangkau penggunaan deria dan merupakan proses kognitif. Umpamanya dalam proses melihat, cahaya dari objek itu masuk ke dalam mata dan imej objek itu terbentuk di retina. Ia menghasilkan impuls yang dihantar ke otak melalui saraf optik. Otak mentafsir impuls itu dan menginterpretasikannya mengikut sifat-sifat objek itu, misalnya dari segi bentuk dan warna. Objek itu dikira telahpun “dilihat”. Contoh ini memperlihatkan pertalian di antara fungsi mata dengan mental (otak) yang memproses maklumat.

Apa yang menyebabkan proses pengamatan tidak berlaku? Di antaranya ialah:

- i. Gangguanan emosi (terfikir perkara-perkara lain dan hilang tumpuan).
- ii. Keadaan kesihatan seseorang/ mengidap penyakit.
- iii. Kurang pengalaman yang memberi dorongan untuk berfikir dan bertaakul.

4.0 JENIS PENGAMATAN

Proses pengamatan membolehkan kita memahami apa yang sedang berlaku di persekitaran. Beberapa orang yang menyaksikan perkara yang sama mungkin memberi tafsiran yang berbeza. Oleh itu, pengertian mereka berlainan. Dengan demikian setiap orang berperilaku secara berbeza. Penglihatan tidak berlaku dalam mata. Mata hanyalah suatu alat yang membantu proses penglihatan. Kebanyakan orang tersalah anggap tentang pengamatan. Pengamatan kepada mereka hanya melibatkan 'apa yang dapat dilihat dengan mata'. Sedangkan sebenarnya pengamatan melibatkan keseluruhan pancaindera manusia.

Terdapat tiga jenis pengamatan yang utama, iaitu:

4.1 *Pengamatan Auditori*

4.2 *Pengamatan Visual*

4.3 *Pengamatan Kinestetik-Tactile*

5.0 SIFAT PENGAMATAN

Pengamatan mempunyai sekurang-kurangnya empat sifat utama. Sifat-sifat ini berkaitan rapat dengan fenomena dan sensitiviti.

5.1 *Pengamatan sering berubah-ubah bergantung kepada perubahan keadaan sekitaran.*

Pengamatan berkadar terus dengan perubahan masa. Masa bererti jam, hari, minggu, tahun dan abad. Apa yang kita lihat sekarang sebagai canggih, sepuluh tahun akan datang mungkin sudah ketinggalan. Model-model kereta Mercedes Benz pada masa ini contohnya, akan hanya menjadi klasik pada seratus tahun akan datang (tahun 2103).

Namun pengamatan tidak berubah dalam semua situasi. Situasi yang berkaitan dengan agama dan nilai sejagat akan terus dipertahankan, walaupun masa berubah.

5.2 *Pengamatan bersifat personal*

Pengamatan memang bersifat personal, justeru itu, sesuai dengan sifat 'kelainan ragam' manusia itu sendiri ia sangat mempengaruhi apa yang kita lihat. Apa yang A rasa tentang makanan XYZ, mungkin tidak sama dengan B, C, D, E, F dan sebagainya. Faktor personal adalah faktor psikologi seseorang yang boleh mempengaruhi hasil daripada pengamatannya.

5.3 *Pengamatan berkesinambungan*

Pengamatan bersambung-sambung dan ia mengambil tempoh yang lama. Misalnya pengamatan kita terhadap dadah boleh diumpamakan sebagai 'najis'. Maka sampai bila pun, kita akan terus melabelkan (mental set) dadah itu sebagai 'najis' yang jijik dan menjijikkan.

5.4 *Pengamatan amat selektif*


Manusia itu sendiri sifatnya memilih. Justeru itu, pengamatan juga akan hanya memilih apa yang dekat dan sesuai dengan kehendak kita. Walaupun apa yang kita lihat itu merupakan entiti penting dalam sesuatu komponen, tetapi jika kita merasakan ia tidak bertepatan dengan kita, maka kita akan menolaknya.

6.0 **ORGANISASI PENGAMATAN BERASASKAN PENDEKATAN GESTALT**


Konsep pengamatan telah dikaji secara mendalam oleh ahli psikologi Gestalt.

Perkataan Gestalt bermaksud corak, bentuk atau rupa. Gestalt merujuk kepada kepercayaan

bahawa seseorang itu biasanya lebih suka mengatur pengamatannya dalam corak yang tertentu dengan menyusun semula rangsangan supaya ia menjadi lebih ringkas, lebih lengkap dan lebih teratur daripada keadaan sebenarnya. Ahli-ahli psikologi Gestalt telah mengasaskan beberapa hukum tentang persepsi penglihatan yang menjadi asas pada organisasi pengamatan. Hukum Gestalt tentang pengamatan menerangkan bagaimana sesuatu susunan rangsangan yang tertentu dapat ditonjolkan dari latar belakangnya dan diamati sebagai suatu rajah yang menyeluruh. Berikut adalah beberapa hukum Gestalt mengenai pengamatan visual.



Rajah 2: Mangkuk atau Muka



Rajah 3: Wanita Muda atau Wanita Tua

Rajah 3 pula boleh dipersepsikan sebagai seorang wanita muda atau wanita tua. Jika wanita muda menjadi objek, maka wanita tua tidak kelihatan dan sebaliknya jikalau wanita tua menjadi objek, wanita muda pula tidak kelihatan. Dalam hal ini, individu perlukan masa untuk mengorganisasikan bahagian-bahagian yang berasingan hingga dapat memberi sesuatu yang bermakna. Pada umumnya manusia akan mendaftarkan satu rangsangan sebagai objek dan satu lagi sebagai latar belakang, dan kedua-duanya boleh bertukar bentuk menjadi objek pengamatan apabila ia didapati sesuai.

7.0 FAKTOR MEMPENGARUHI RANGSANGAN PENGAMATAN

Keupayaan pengamatan sangat bergantung pada faktor-faktor psikologi, biologi (yang berkaitan dengan pancaindera dan keupayaan otak memproses maklumat) dan sosiobudaya seseorang. Antara faktor yang penting termasuklah:

7.1 Faktor Pembezaan (kontras)

Faktor pembezaan melibatkan apa jua yang dapat dibezakan secara kontras oleh deria manusia. Benda yang besar lebih mudah dilihat berbanding yang kecil; warna yang garang lebih menarik perhatian berbanding warna yang lembut dan sebagainya.

Penumpuan

Ada ahli-ahli psikologi yang menekankan bahawa selagi tidak ada penumpuan, tidak akan terbentuk pengamatan. Semasa manusia membuat pengamatan, manusia tidak melayan semua rangsangan yang diterimanya tetapi hanya memilih rangsangan yang tertentu sahaja. Dengan cara ini barulah kita dapat membentuk pengamatan terhadap rangsangan tersebut. Apabila kita memilih satu-satu rangsangan, bermakna bahawa kita menumpukan perhatian kepada rangsangan tersebut. Ini menunjukkan bahawa selepas ada penumpuan barulah terbentuk pengamatan. Penumpuan berlaku apabila pancaindera seseorang itu ditumpukan kepada sesuatu rangsangan pada kadar masa yang membolehkan seseorang itu mengetahui apakah objek atau benda yang dipersepsikan. Tumpuan amat penting bagi orang yang baru pertama kali menerima sesuatu rangsangan. Katakan sebelum ini, ia tidak pernah melihat 'basikal solar' sudah tentu masa yang lama amat diperlukan untuk membina dan membentuk satu siri maklumat baru tentang 'kereta solar'.

8.0 PERANAN PENGETAHUAN DALAM PENGAMATAN

Eksperimen 1: Orang-orang yang dilahirkan buta

Senden (1960) menjalankan eksperimen ke atas orang-orang yang dilahirkan buta. Setelah pembedahan dilakukan dan orang-orang buta ini dapat melihat kembali, mereka tidak dapat mengenalpasti benda-benda yang pernah dikenali secara sentuhan semasa buta dahulu. Ini adalah disebabkan mereka tiada pengetahuan untuk mentafsirkan objek yang dilihat olehnya dan gagal menghubungkan pengamatan penglihatan baru dengan pengalaman

lama. Setelah menjalani beberapa latihan, pengetahuan diperoleh. Orang-orang ini tidak lagi bergantung kepada deria sentuhannya untuk mengenal pasti benda-benda yang dilihatnya. Ini membuktikan bahawa pengetahuan dan latihan memainkan peranan untuk membantu pembentukan dan perkembangan pengamatan seseorang.

Eksperimen 2: Monyet, Chimpanzi dan Anak Kucing

Reisen (1965) telah menempatkan haiwan ini di dalam satu tempat yang gelap sejak dilahirkan. Setelah tiga bulan, haiwan ini dikeluarkan ke tempat yang terang dan didedahkan kepada beberapa rangsangan untuk mengetahui reaksi dan gerakbalasnya terhadap rangsangan-rangsangan tersebut. Haiwan ini didapati tidak dapat mengikuti dengan penglihatan pergerakan benda-benda yang bergerak dan membezakan bentuk-bentuk objek. Mengikut Reisen jika kebolehan mengamati sesuatu adalah semula jadi, tentu perkara seperti ini tidak akan berlaku. Bukti ini juga menunjukkan bahawa pembentukan dan perkembangan pengamatan bergantung kepada pengetahuan melalui proses pembelajaran.

Untuk memperolehi pengamatan yang betul dan mencukupi, pelajar mestilah diberi pengalaman pertama dalam seberapa banyak situasi belajar yang boleh. Lawatan ke sekolah-sekolah, kilang perindustrian, lombong arang batu, landasan keretapi, loji pembersihan air dan sebagainya untuk memperkayakan pengetahuan sedia ada pelajar. Semua pengalaman baru ini berguna dan membantu dalam pembelajaran pengamatan. Mendedahkan pelajar pada rangsangan luaran dalam persekitaran melalui objek sebenar atau alat pandangan dan pendengaran tidaklah mencukupi. Pelajar selalunya perlu dibantu untuk mengetahui apa yang patut dilihat. Guru membimbing pemerhatian supaya pengamatan pelajar menjadi tepat dan lengkap. Dengan ini, pelajar dapat bertindak balas dengan cergas kepada rangsangan deria

supaya dapat meneruskan proses mental yang lebih tinggi. Guru perlu merangsang pelajar ke arah satu corak sintesis pengamatan yang berguna.